



Headline: 6 individu rugi angkara Macau Scam Language: Malay  
RM125,334

Publication/Portal: Utusan Sarawak  
Date: 11 October 2018

Section: Berita Perdana  
Page: 2



# 6 individu rugi angkara Macau Scam RM125,334

FENNY SILONG

KUCHING: Enam individu menjadi mangsa terkini Macau Scam apabila mengalami kerugian keseluruhannya berjumlah RM125,334.88 semalam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Polis Sarawak, Supritendan Mustafa Kamal Gani Abdullah menerusi satu kenyataan berkata, pihaknya menerima 10 laporan mengenai Macau Scam dan satu lagi Parcel

Scam.

"Bagaimanapun, enam individu menjadi mangsa terkini jenayah penipuan terabit manakala lima lagi berjaya mengelakkannya termasuk Parcel Scam. Dalam kes terbaharu ini, seorang guru wanita dari Sarikei paling banyak mengalami kerugian iaitu berjumlah RM52,400," katanya.

Gani berkata, kerugian kedua paling banyak dialami oleh seorang surirumah berusia 29 tahun dari Kuching iaitu RM36,000.

"Ini diikuti dengan kerugian

sebanyak RM21,000 yang dialami oleh seorang lelaki berusia 30 tahun dari Kapit. "Seorang lagi mangsa lelaki berusia 25 tahun dari Bintulu yang merupakan jurutera mengalami kerugian berjumlah RM10,574.88 apabila turut terpedaya," jelasnya.

Katanya, mangsa kelima pula merupakan seorang pelajar perempuan berusia 20 tahun dari Kota Samarahan yang mengalami kerugian sebanyak RM4,460.

Malah, menurut Gani, seorang lelaki yang merupakan pengurus syarikat dari Kuching berusia 30

turut menjadi mangsa Macau Scam dengan jumlah kerugian RM1,300.

"Penjenayah menyamar sebagai pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), pihak bank, pegawai penyiasat, mahkamah malah memberi nombor ID sebagai kakitangan agensi berkuasa.

"Antara isu yang diketengahkan oleh suspek seperti mangsa terlibat dengan kes rasuah, pengubahan wang haram, penggelapan wang, cukai dan lain-lain," ujarnya.